



PERANGI RASUAH, ANDA DILINDUNGI



AKTA

**PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010
PERLINDUNGAN SAKSI 2009**

Anda boleh lakukan perubahan, **PERANGI** Rasuah!

KANDUNGAN



Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)

- Perbezaan antara saksi SPRM dan pemberi maklumat **3**
- Perlindungan kepada pemberi maklumat sekiranya... **5**
- Akta perlindungan pemberi maklumat 2010 **7**
- Syarat-syarat perlindungan **8**
- Jenis-jenis perlindungan **9**
- Jika pemberi maklumat diambil tindakan yang memudaratkan... **10**
- Remedi kepada pemberi maklumat **11**
- Tindakan ke atas pihak yang melakukan tindakan memudaratkan kepada pemberi maklumat? **13**
- Pembatalan perlindungan pemberi maklumat **14**
- Pemberi maklumat yang berpotensi menjadi saksi **15**
- Keengganan pemberi maklumat menjadi saksi **16**
- Tanggungjawab SPRM kepada pemberi maklumat **17**

Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696)

- Unit Perlindungan Saksi (UPS) JPM **23**
- Perlindungan kepada saksi kes rasuah **24**
- Bentuk Perlindungan **25**
- Ancaman yang serius **27**
- Program Perlindungan Saksi **29**
- Penamatan Perlindungan **32**

Anda boleh lakukan perubahan, **PERANGI** Rasuah!

JAWAPAN KEPADA

KEBIMBANGAN ANDA



Masyarakat tidak perlu gentar untuk menyalurkan maklumat kes rasuah. SPRM sentiasa memastikan kerahsiaan identiti pemberi maklumat dan maklumat yang diberikan.

Perlindungan kepada pemberi maklumat merupakan satu kewajipan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Begitu juga bagi saksi sesuatu kes rasuah yang mana perlindungan akan diberikan seperti yang diperuntukan melalui Akta Perlindungan Saksi 2009.

Saksi SPRM | Pemberi maklumat



Penting untuk dijelaskan mengenai perbezaan antara pemberi maklumat dan saksi. Ini kerana, bagi masyarakat umum kedua-duanya mungkin kelihatan sama.

Perbezaan bagi kedua-dua ini akan menentukan bentuk perlindungan yang layak menurut peruntukan undang-undang yang ada.

Perbezaan antara

Saksi SPRM | Pemberi maklumat

PEMBERI MAKLUMAT

Pemberi maklumat ialah mana-mana orang yang membuat pendedahan tentang sesuatu perlakuan tidak wajar berdasarkan kepada kepercayaannya yang munasabah kepada agensi penguatkuasaan berkaitan (SPRM). Pendedahan tersebut membolehkan agensi penguatkuasaan berkaitan (SPRM) memulakan siasatan.

Identiti pemberi maklumat tidak boleh didedahkan. Pemberi maklumat boleh dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

SAKSI

Saksi merupakan orang yang boleh memberi keterangan (kepada agensi dan di mahkamah) berdasarkan kepada pengetahuan atau penglibatannya dalam sesuatu transaksi kelakuan tidak wajar. Potensi seseorang untuk menjadi saksi akan dikenalpasti semasa siasatan dijalankan bagi membuktikan kesalahan seseorang pelaku jenayah tersebut.

Saksi boleh dilindungi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009.

Perlindungan kepada

Pemberi maklumat



Anda dilindungi

AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (Akta 711)



Merupakan satu akta untuk menggalakkan pendedahan maklumat mengenai sebarang jenayah rasuah atau salah laku lain. Akta ini akan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat daripada sebarang tindakan memudaratkan akibat daripada pendedahan yang telah dibuat.

Akta ini diwartakan pada 10 Jun 2010 dan mula berkuatkuasa pada 15 Disember 2010.

SYARAT-SYARAT PERLINDUNGAN



1 Pemberi maklumat bersedia untuk dikenali oleh agensi penguatkuasaan (SPRM)

2 Pemberi maklumat hadir sendiri dan berjumpa dengan pegawai agensi penguatkuasaan samada di pejabat atau di mana-mana tempat

3 Sekiranya pendedahan tidak wajar dibuat melalui surat/ emel/ panggilan telefon/ khidmat pesanan ringkas (sms), pemberi maklumat perlu menyatakan identiti dan alamat atau cara bagaimana beliau boleh dihubungi.

Sekiranya pemberi maklumat tidak dikenali, tiada perlindungan boleh diberikan kepada pemberi maklumat berkenaan.

JENIS-JENIS PERLINDUNGAN



Identiti pemberi maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah.

1

Pemberi maklumat tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah, atau tatatertib akibat daripada pendedahan tersebut.

2

Pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang telah dibuat.

3

Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan/hubungan dengan pemberi maklumat.

4

Apa yang perlu dilakukan ?

Jika pemberi maklumat diambil tindakan yang memudaratkan...

Sekiranya terdapat tindakan diambil terhadap pemberi maklumat kerana pendedahan mengenai kelakuan tidak wajar tersebut, maka pemberi maklumat mesti dengan segera melaporkan kepada agensi penguatkuasaan terbabit. Pemberi maklumat kes rasuah boleh melaporkan kepada Pegawai Penyiasat SPRM.

Contoh tindakan yang memudaratkan adalah;

- a** Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan, atau kerosakan.
- b** Ugutan atau gangguan.
- c** Gangguan terhadap pekerjaan sah termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, layanan buruk, pengambilan tindakan tatatertib, dan lain-lain.
- d** Sesuatu ancaman untuk mengambil tindakan yang disebut pada perkara (c).

REMEDY



Pemberi maklumat yang dikenakan tindakan yang memudaratkan hasil daripada pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuatnya boleh memohon remedi.

Permohonan untuk remedi perlu dibuat kepada agensi penguatkuasa atau pegawai yang menerima aduan kelakuan tidak wajar berkenaan untuk dipanjangkan ke Mahkamah bagi mendapatkan Perintah Mahkamah.

JENIS-JENIS REMEDI

Diperuntukan di bawah seksyen 15(1) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 iaitu;

- Ganti rugi atau pampasan
- Injunksi; atau
- Apa-apa relif lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

KUASA MAHKAMAH

1. Memerintahkan orang yang mengambil tindakan memudaratkan untuk membayar pampasan, ganti rugi, atau relif lain.
2. Membuat perintah injunksi untuk menghalang orang yang mengambil tindakan yang memudaratkan itu daripada meneruskan, mengulangi, mengambil atau mengakibatkan tindakan yang memudaratkan diambil terhadap pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengannya.
3. Memerintahkan tindakan personel seperti kembali bertugas, mengembalikan jawatan atau pampasan sebagai ganti pengembalian jawatan dan relif lain.
4. Memerintahkan agensi penguatkuasa (cth. SPRM) untuk memohon penempatan semula kerja bagi pemberi maklumat yang bimbang akan diambil tindakan memudaratkan.
5. Bagi sektor awam yang mengamalkan *close service* – JPA hendaklah membuat kelonggaran bagi penjawat awam yang memerlukan penempatan semula.
6. Bagi sektor swasta, jika penempatan semula tidak boleh diberi, harus membayar pampasan sebagai ganti penempatan semula.

Tindakan ke atas pihak yang melakukan tindakan memudaratkan kepada pemberi maklumat?



Membayar pampasan/gantirugi

Orang yang mengambil tindakan memudaratkan ke atas pemberi maklumat bertanggungjawab untuk membayar pampasan atau gantirugi sebagaimana **diperintahkan mahkamah**. Liabiliti adalah kapasiti perseorangan dan bukan atas majikannya.

Melakukan jenayah

Orang yang mengambil tindakan memudaratkan itu adalah melakukan kesalahan sekiranya tindakan itu adalah tindak balas daripada pendedahan kelakuan tidak wajar yang telah dibuat.

Jika didapati bersalah boleh didenda RM100,000.00 atau penjara maksimum 15 tahun atau kedua-duanya sekali.